Fahaman Tahun 6

Baca petikan karangan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.

Pokok bunga Jepun dikenali dengan nama saintifiknya *Gliricidia Sepium* dan sering digunakan sebagai tanaman hiasan. Tumbuhan ini banyak terdapat di negara Mexico, Amerika Tengah, Colombia dan Venezuela.

Tumbuhan yang tergolong dalam keluarga Leguminosae ini ialah jenis pokok yang berkayu tinggi serta mempunyai banyak dahan dan ranting. Daunnya pula berbentuk bulat dan berwarna hijau. Pada permukaan atas daunnya agak licin sementara di bahagian bawahnya pula warnanya agak pucat.

Pokok bunga Jepun mempunyai banyak khasiat dan sering digunakan dalam perubatan tradisional terutamanya daun, kulit pokok dan akarnya. Daunnya dikatakan boleh merawat sendi, sakit kepala, sakit perut, menghilangkan bintik-bintik pada kulit, kudis, luka dan menyembuhkan tulang yang patah. Caranya dengan menumbuk lumat daun pokok bunga Jepun dan dijadikan sebagai ubat pupuk.

Kulit pokok bunga Jepun pula boleh digunakan untuk merawat luka dan kulit yang gatal. Caranya kulit pokok bunga tersebut ditumbuk lumat dan cecairnya diperah lalu disapu pada bahagian yang luka itu

Akarnya juga boleh dikunyah bagi membantu mengurang masalah sakit kerongkong atau sakit tekak. Air akar pokok bunga Jepun yang telah di rebus pula boleh diminum untuk mengubati busung, demam kuning dan masalah ginjal.

Disesuaikan:
Majalah Mekar, April 2011

Lihat sebelah

LIVEWORKSHEETS

Pilih dan tekan jawapan yang paling sesuai.

1)Apakah nama saintifik bagi pokok bunga Jepun?

a)Pokok bunga Jepun dikenali dengan nama saintifiknya *Gliricidia Sepium*.

b) Pokok bunga Jepun dikenali dengan nama saintifiknya *Sepium Gliricidia*.

c) Pokok bunga Jepun dikenali dengan nama saintifiknya *GliricidiaSepium*.

2)Pokok bunga Jepun sering digunakan sebagai apa?

a)Pokok bunga Jepun sering digunakan sebagai hiasan di muzium.

b)Pokok bunga Jepun sering digunakan sebagai tanaman hiasan.

c)Pokok bunga Jepun sering digunakan sebagai hiasan di sekolah.

3)Di negara manakah pokok bunga Jepun boleh ditemui?

a)Tumbuhan ini banyak terdapat di negara Mesir, Jordan, Iraq dan Turki.

b) Tumbuhan ini banyak terdapat di negara Brunei Darussalam, Malaysia, Indonesia dan Thailand.

c) Tumbuhan ini banyak terdapat di negara Mexico, Amerika Tengah, Colombia dan Venezuela.

4)Pokok bunga Jepun tergolong dalam keluarga tumbuhan apa?

a) Tumbuhan yang tergolong dalam keluarga Bonsai ini ialah jenis pokok yang berkayu tinggi serta mempunyai banyak dahan dan ranting.

b) Tumbuhan yang tergolong dalam keluarga Kaktus ini ialah jenis pokok yang berkayu tinggi serta mempunyai banyak dahan dan ranting.

c) Tumbuhan yang tergolong dalam keluarga Leguminosae ini ialah jenis pokok yang berkayu tinggi serta mempunyai banyak dahan dan ranting.

LIVEWORKSHEETS

5)Bagaimanakah bentuk daun pokok bunga Jepun?

a) Daunnya pula berbentuk leper dan berwarna coklat.

b) Daunnya pula berbentuk bulat dan berwarna hijau.

c) Daunnya pula berbentuk bujur dan berwarna kuning.

6)Terangkan keadaan permukaan atas dan bawah daun pokok bunga Jepun.

a)Pada permukaan atas daunnya agak licin sementara di bahagian bawahnya pula warnanya agak pucat.

b)Pada permukaan atas daunnya agak kesat sementara di bahagian bawahnya pula warnanya agak merah.

c)Pada permukaan atas daunnya agak kering sementara di bahagian bawahnya pula warnanya agak hijau.

7)Apakah bahan yang dapat digunakan dari pokok bunga Jepun dalam perubatan tradisional?

a) Pokok bunga Jepun mempunyai banyak khasiat dan sering digunakan dalam perubatan tradisional terutamanya daun, kulit pokok dan akarnya.

b) Pokok bunga Jepun mempunyai banyak khasiat dan sering digunakan dalam perubatan tradisional terutamanya ranting, kulit pokok dan akarnya.

c) Pokok bunga Jepun mempunyai banyak khasiat dan sering digunakan dalam perubatan tradisional terutamanya bunga, kulit pokok dan akarnya.

LIVEWORKSHEETS

8)Daun pokok bunga Jepun dapat merawat apa?

a)Daunnya dikatakan boleh merawat mulut.

b)Daunnya dikatakan boleh merawat sendi, sakit kepala, sakit perut, menghilangkan bintik-bintik pada kulit, kudis, luka dan menyembuhkan tulang yang patah.

c)Daunnya dikatakan boleh merawat telinga.

9)Bagaimanakah cara membuat ubat pupuk?

a) Caranya dengan menggunting daun pokok bunga Jepun dan dijadikan sebagai ubat pupuk.

b) Caranya dengan mengikat daun pokok bunga Jepun dan dijadikan sebagai ubat pupuk.

c) Caranya dengan menumbuk lumat daun pokok bunga Jepun dan dijadikan sebagai ubat pupuk.

10)Apakah bahan yang boleh digunakan bagi merawat luka dan kulit yang gatal?

a)Caranya kulit pokok bunga tersebut ditumbuk lumat dan cecairnya diminum lalu disimbah pada bahagian yang luka itu.

b)Caranya kulit pokok bunga tersebut ditumbuk lumat dan cecairnya dijemur lalu disapu pada luar bahagian yang luka itu

c)Caranya kulit pokok bunga tersebut ditumbuk lumat dan cecairnya diperah lalu disapu pada bahagian yang luka itu

[20 markah]

LIVEWORKSHEETS